



Gambar fail Universiti Teknologi Nanyang. (Gambar: CNA)

Saintis NTU hasilkan alat boleh 'berhubung' dengan tanaman

16/3/2021 17:50



KONGSI ARTIKEL



SINGAPURA: Sekumpulan saintis dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) menghasilkan sebuah alat yang boleh 'berhubung' dengan tumbuh-tumbuhan menerusi isyarat elektrik.

Tumbuh-tumbuhan mengeluarkan isyarat elektrik untuk bertindak balas terhadap persekitarannya.

Tetapi ia hanya isyarat yang lemah.

Bagaimanapun peralatan NTU itu dapat mengesan isyarat tersebut.

Ia merangkumi sebuah elektrod dan sejenis hidrogel iaitu pelekat yang lembut dan melekit, tetapi sehingga lima kali lebih kuat daripada hidrogel biasa.

Ini membolehkan isyarat elektrik dikesan dengan mudah.

Semasa ujian makmal, alat tersebut diletakkan pada tumbuhan Venus flytrap.

Menggunakan sebuah telefon bijak untuk memancarkan denyutan elektrik kepada alat tersebut, para penyelidik berjaya mengarahkan daun tumbuhan Venus flytrap ini ditutup.

Apabila dipasang tangan robotik, alat itu juga boleh berbuat serupa dan mengutip sekeping wayar sebesar setengah milimeter.



Pasukan NTU tersebut percaya alat ciptaan itu boleh dimanfaatkan untuk memantau kesihatan tumbuhan dengan mengesan isyarat elektrik yang luar biasa.

- CNA/NZ/SU/tq